

Tarikh Dibaca: 22 Disember 2023M | 09 Jumadal Akhirah 1445H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“JANGAN MENGUNDANG
PERSENGKETAAN”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“JANGAN MENGUNDANG PERSENGKETAAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَقَدْ ابْتَغَوْا الْفِتْنَةَ مِنْ قَبْلُ وَقَلَّبُوا لَكَ الْأُمُورَ
حَتَّى جَاءَ الْحَقُّ وَظَهَرَ أَمْرُ اللَّهِ وَهُمْ كَرِهُونَ ﴿٤٨﴾¹
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

¹ Al-Tawbah : 48.

² ali-Imran : 102.



Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk
“JANGAN MENGUNDANG PERSENGKETAAN”.

Hadirin Jumaat sekalian,

Dalam konteks masyarakat majmuk berbilang kaum, agama dan budaya, konsep halal dalam Islam menuntut sikap dan perilaku menghormati antara manusia. Melaksanakan halal sebagai tuntutan fitrah juga menuntut suatu bentuk tanggungjawab tanpa membezakan status sosial, ekonomi, atau politik sesuai dengan situasi kepelbagaian, kewujudan orang lain, meskipun berlainan bangsa dan budaya hidup. Banyak negara di dunia menghadapi nasib malang dalam menerima situasi kepelbagaian apabila kehidupan rakyat sentiasa terhimpit dengan pergolakan sesama warganya. Pelaksanaan fiqh ta’ayush memerlukan keterlibatan yang aktif oleh semua pihak bagi menjamin keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Isu halal sentiasa berdepan dengan isu-isu yang melibatkan kepentingan awam dan isu sensitif dalam kalangan masyarakat. Sehubungan itu, apabila berhadapan dengan perkara ini, semua pihak perlu memainkan peranan penting dan bertanggungjawab mengekalkan keharmonian dengan mengelakkan timbulnya apa-apa situasi yang membawa kepada salah sangka dan persengketaan.

Baru-baru ini pada 14 Disember 2023, tular di media sosial isu tidak dibenarkan menulis ucapan Selamat Hari Krismas di atas kek oleh sebuah syarikat yang disebar luas tanpa diselidiki terlebih dahulu hingga menimbulkan pelbagai tanggapan, andaian dan prasangka akibat kenyataan yang dimuat naik dan disebarkan.

Muslimin sekalian,



Perlu diingatkan bahawa situasi sebegini tidak wajar berlaku untuk sebuah masyarakat yang saling hormat menghormati dan mencintai keamanan. Isu pensijilan halal yang dipolemikkan telah memberi persepsi negatif masyarakat bukan Islam terhadap agama Islam itu sendiri, sedangkan Islam adalah agama yang tidak memaksa atau menekan dengan kekerasan bagi seseorang itu untuk menerimanya. Malah kedudukan orang bukan Islam tidak ada bezanya dari orang Islam atas dasar kemanusiaan sejagat, kebebasan beragama, kedaulatan undang-undang dan keadilan Ilahi.

Setiap warga, pihak atau kelompok masyarakat perlu waspada daripada membuat andaian sendiri, menjadi pencetus provokasi, penabur fitnah atau pembakar api permusuhan sehingga mengakibatkan suasana tidak aman atau huru-hara dalam masyarakat. Sikap waspada dalam perkara sebegini sangat diperlukan supaya tidak mencemarkan agama Islam dan menjadikan Islam disalah faham dan mencetuskan perbalahan. Ketahuilah bahawa agama Islam sangat mementingkan keharmonian sesama insan. Ajaran Islam menekankan hubungan baik bukan sahaja dengan saudara seagama, malah kepada orang bukan Islam.

Hadirin Jumaat Yang Dikasihi Allah sekalian,

Mimbar juga sering mengingatkan, janganlah berprasangka buruk, jangan menyebarkan semua perkara yang kita tahu, lebih teruk lagi, apabila ia suatu yang tidak dapat dipastikan. Sesungguhnya orang yang bercerita atau memanjangkan semua yang diketahuinya boleh membawa kepada kedustaan, malah menimbulkan permasalahan lebih besar. Hadis daripada Hafs bin Asim Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كَفَى بِالْمَرْءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ



"Cukuplah seseorang itu dianggap pendusta apabila dia menceritakan setiap perkara yang didengarinya (tanpa tabayyun atau tanpa usul periksa)."

(Riwayat Muslim).

Dengan itu jangan sesekali menyebarkan perkara yang tidak pasti atau bertindak melulu sehingga mengeluarkan kenyataan tanpa teliti dan usul periksa. Natiyahnya hanyalah prasangka, kerugian dan permusuhan.

Perkara berkaitan agama adalah antara isu-isu yang disepakati bersama sebagai isu sensitif yang tidak boleh dipermainkan. Bahkan jangan sesekali diperkecilkan kerana ianya hanya membangkitkan kegelisahan rakyat, mencetuskan huru-hara dan menjejaskan keharmonian masyarakat.

Jangan suka melaga-lagakan antara satu pihak dengan pihak yang lain. Jangan jadikan keamanan, kestabilan dan kemakmuran negara sebagai taruhan dalam memperolehi kepentingan individu atau kumpulan tertentu. Dalam Islam, seorang Muslim itu ialah orang yang menyelamatkan kaum Muslimin yang lain daripada kesan keburukan lisan dan tangannya. Bahkan Allah SWT mengingatkan dalam surah al-Ahzab ayat 58 bahawa dosa yang amat nyata apabila wujud individu yang melaga-lagakan orang lain sama ada dengan perkataan atau perbuatan yang tidak dilakukannya.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT sekalian,

Kejadian manusia dengan kepelbagaian adalah *sunnatullah* dalam penciptaan-Nya. Manusia itu pelbagai rupa, warna, perwatakan dan bangsa. Bahkan tabiatnya pelbagai walau datangnya dari negara yang sama, bangsa dan keluarga yang sama. Hadis daripada Abu Musa al-Ash'ari Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى خَلَقَ آدَمَ مِنْ قَبْضَةٍ قَبْضَهَا مِنْ جَمِيعِ
الْأَرْضِ، فَجَاءَ بَنُو آدَمَ عَلَى قَدْرِ الْأَرْضِ، فَجَاءَ مِنْهُمْ الْأَحْمَرُ



وَالْأَبْيَضُ وَالْأَسْوَدُ، وَبَيْنَ ذَلِكَ وَالسَّهْلُ وَالْحَزْنُ وَالْخَبِيثُ وَالطَّيِّبُ

"Sesungguhnya Allah SWT menciptakan Adam Alaihissalam daripada satu genggam tanah daripada sekalian tanah di seluruh bumi, maka anak keturunan Adam lahir sesuai kadar atau jenis tanah bumi, ada antara mereka yang berkulit merah, putih dan hitam dan ada antara mereka yang bersifat lembut, kasar, jelik dan baik."

(Riwayat al-Tarmizi).

Kaum Muslimin yang berbahagia,

Mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita menghayati dan mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa manusia menurut ketetapan Allah SWT dilahirkan dengan pelbagai warna kulit, perwatakan, bahasa dan bangsa agar saling mengenali, saling berbincang dan saling menghormati.
2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa Rukun Negara iaitu Kesetiaan Kepada Raja dan Negara dan Keluhuran Perlembagaan adalah adaptasi sosial masyarakat yang bertujuan memelihara perpaduan dan keharmonian masyarakat.
3. Umat Islam hendaklah memahami bahawa fitnah, propaganda atau prasangka jika tidak ditangani dengan sebaiknya hanya akan mengundang kebinasaan kepada masyarakat dan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَعَلَّمُوا أَنَّ اللَّهَ
شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢٥﴾

"Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksa-Nya."

(Al-Anfal: 25).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ
تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan kita supaya sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada melakukan perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19. Untuk itu, para jemaah dinasihatkan supaya mengamalkan kawalan sendiri, menjaga kebersihan diri dan sekitar. Jagalah penjarakan dan memakai pelitup muka untuk mengelak penularan. Elakkan kawasan yang sesak, sempit dan sembang secara dekat terutama sekali jika mempunyai apa-apa gejala yang boleh dikaitkan dengan Covid-19.

Patuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan bagi elakkan penularan wabak agar kita terus dapat beramal ibadah dan melaksanakan aktiviti pengimarahannya di masjid dan surau dan dapat bersama-sama beramal di bulan Ramadhan yang bakal tiba tidak lama lagi seperti biasa.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ
الْكَفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَه
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
العزيز شاه الحج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحج، فِي أَمْنٍ



وَصَلِّحْ وَعَافِيَّةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ
أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمُ يَا جَبَّارُ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ
انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي
فَلَسْطِينَ.

Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Kau hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianiaya serta dizalimi. Ya Allah! Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Kau binalah semula keamanan dan kesejahteraan di bumi Palestin agar rakyatnya hidup bahagia.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

٧٤

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.